



SEBUAH kereta dihanyutkan air di Jalan Raja Chulan.

Kuala Lumpur tenggelam

Hujan lebat lebih sejam undang banjir di beberapa lokasi

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
noraina@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Hujan lebat lebih sejam di sekitar ibu kota menyebabkan beberapa kawasan dilanda banjir kilat, petang semalam.

Antara kawasan yang terjejas dalam hujan lebat bermula kira-kira jam 5.30 petang itu termasuk Jalan Tun Razak, Jalan Parlimen, Jalan Duta, Jalan Pudu, Lebuhraya Persekutuan, Jalan Cheras Lama, Jalan Chan Sow Lin dan Jalan Segambut.

Kejadian itu menyebabkan orang ramai yang hendak pulang ke rumah terkandas. Namun keadaan kembali beransur-ansur pulih sebaik hujan berhenti dan air mulai surut.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Kuala Lumpur Azizan Ismail berkata, beberapa kawasan dinaiki air itu menyebabkan berlalu kesesakan lalu lintas yang teruk.

"Selain kesesakan jalan raya, kami turut menerima makluman mengenai berlaku pokok tumbang di kawasan letak kenderaan di Masjid Negara," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, lokasi paling teruk dilanda banjir kilat ialah Jalan Raja Chulan hingga menyebabkan empat kereta yang diletakkan di bahu jalan ditenggelami air sehingga paras tingkap.

Katanya, kejadian pokok tumbang berkenaan tidak

menghempap kenderaan dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Sementara itu, di Selangor, banjir kilat turut melanda Kampung Laksamana, Batu Caves yang bermula kira-kira jam 7 malam.

Jurucakap Bilik Gerakan Bomba dan Penyelamat Selangor berkata, pihaknya menerima panggilan jam 7.06 memaklumkan kejadian itu dan sebuah jentera dihantar ke lokasi.

"Pemantauan mendapati paras air di kampung berkenaan mencecah hampir satu meter namun kembali pulih seperti sedia kala 30 minit selepas hujan berhenti," katanya.

FAKTA
Pekerja pulang rumah tersekat dalam kesesakan



SEORANG lelaki menolak motosikalnya di Jalan Kuching.



SEORANG penunggang motosikal meredah banjir di Jalan Raja Chulan.



WARGAKOTA meredah air di Jalan Raja Chulan berdekatan Muzium Telekom.



KENDERAAN mengherungi air di Jalan Ipoh menuju ke Jalan Kuching.